

28/08/1997

Britain bantu latih pekerja mahir MSC

Kamal Ahmad

GOMBAK, Rabu - Kerajaan Britain hari ini menyatakan sokongan terhadap projek Koridor Raya Multimedia (MSC), khususnya melalui bantuan pembangunan sumber tenaga mahir dalam bidang multimedia serta komputer.

Setiausaha Negara Britain Bagi Hubungan Luar dan Komanwel, Robin Cook, berkata Malaysia memerlukan pekerja mahir yang ramai untuk memasuki era teknologi tinggi dan projek seperti MSC tidak bermakna jika tidak ada tenaga yang mampu melaksanakannya.

Sambil menyifatkan MSC sangat menarik, Cook berkata daya usaha itu membawa bersama potensi yang sangat besar untuk meneroka teknologi canggih sebagaimana dijelaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada lebih 1,000 hadirin ketika promosi MSC di Eropah di Imperial College, London, dua bulan lalu.

"Untuk projek seperti MSC berhasil dan berjaya, sekali gus menjayakan Wawasan 2020, pekerja mahir sangat diperlukan. Penekanan utama terhadap perkara itu menerusi penambahan peruntukan dalam latihan dan pendidikan membuktikan kerajaan prihatin mengenainya," katanya.

Menurutnya, kerjasama menubuhkan Institut British Malaysia (BMI) adalah satu komitmen kerajaannya kepada Malaysia melahirkan lebih ramai tenaga kerja muda untuk memenuhi pasaran pekerja mahir di bidang multimedia, kejuruteraan komputer, elektronik dan elektrik.

Melalui kerjasama itu, pihak Britain akan menyediakan persijilan dan kurikulum manakala Malaysia menyiapkan tapak dan peralatan mengajar.

"Dasar kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Tony Blair ialah menyediakan peluang pendidikan. Ia adalah kunci kejayaan segala usaha. Malaysia turut memberi penekanan utama kepada bidang ini untuk rakyatnya.

"Oleh itu, adalah menjadi komitmen syarikat British membantu Malaysia menjadi negara ulung menguasai teknologi maklumat di rantau ini," katanya.

Beliau berucap pada majlis pecah tanah projek Kampus BMI dekat Sungai Pusu di sini, hari ini. Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed. Projek RM50 juta itu dijangka siap pada 1999 dan mampu menampung 1,000 pelajar dalam enam jurusan multimedia dan komputer.

BMI adalah usaha sama Mara dengan Kerajaan Britain yang disokong beberapa syarikat unggul British seperti BICC, GEC, Rolls Royce dan Vickers.

"Penyertaan syarikat ini jelas menunjukkan sektor swasta British begitu ghairah untuk membantu pembangunan ekonomi Malaysia," katanya.

Cook berkata, kerajaannya akan membiayai RM2.8 juta sebagai kos latihan 50 tenaga pengajar dari Malaysia untuk menjalani latihan khas selama sembilan bulan di United Kingdom.

(END)